

# Kelewatan projek berpunca daripada isu setinggian - JPS

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan kelewatan kerja-kerja menaik taraf Sungai Batu di Batu Caves, antaranya disebabkan oleh kewujudan setinggian berhampiran lokasi dua buah kolam takungan.

Jurucakap Seksyen Hal Ehwal Korporat JPS berkata, selain itu kelewatan kerja-kerja itu juga disebabkan oleh kesukaran untuk membina sebuah jambatan baharu bagi menggantikan jambatan sedia ada yang kedudukannya berada di ba-

wah talian penghantar elektrik.

Bagaimanapun ujarnya, masalah itu telah diselesaikan dengan mengubah kedudukan jambatan ke lokasi baharu seperti yang disyaratkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Kelewatan tersebut disebabkan isu setinggian di tapak cadangan lokasi kolam takungan No.1 dan No.3 yang kini sedang diselesaikan dengan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak.

"Namun, isu setinggian di kolam

No.1 telah diselesaikan sementara menguruskan isu di kolam No.3," katanya dalam kenyataan akhbar kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, kerajaan Persekutuan melalui JPS telah meluluskan peruntukan bagi Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) Sungai Batu Pakej 1/downstream dan Pakej 2/upstream di bawah program itu.

Projek di bawah Bahagian Projek Khas JPS itu telah bermula sejak 5 September 2011 dan akan berakhir

pada 21 Oktober depan.

Katanya lagi, JPS Kuala Lumpur yang bertanggungjawab dalam mengawal operasi Empangan Batu turut menafikan dakwaan penduduk bahawa air empangan telah dilepas keluar ke Sungai Batu semasa banjir pada 13 September lalu.

"Tiada pelepasan air dari empangan dilakukan kerana paras air pada hari kejadian berada pada paras normal iaitu 102.3 meter dan jika memerlukan pelepasan air adalah pada ketinggian 103.5 meter.

"Sebaliknya, punca berlakunya banjir adalah disebabkan hujan lebat melebihi 80 milimeter dalam tempoh sejam di seluruh Kuala Lumpur dan Gombak.

"Aliran hujan mengalir masuk ke Sungai Batu dan disalurkan dengan baik dari kawasan Gombak ke Kuala Lumpur melalui Sungai Gombak dan akhirnya disalurkan ke Sungai Klang.

"Tetapi, kami mendapati limpahan air di kawasan penduduk berdekatan sungai itu akibat daripada halangan jambatan besi sedia ada yang masih

belum dinaik taraf," katanya.

Tambah kenyataan itu, pihaknya akan segera membuka jambatan sedia ada dan membina jambatan baharu bagi mengelak aliran air Sungai Gombak terhalang.

"Kami akan segera menyiapkan kerja menaik taraf bagi meningkatkan kapasiti penyaluran air. Selain itu, kontraktor telah diminta menambah waktu kerja dan bilangan pekerja untuk mengatasi kelewatan di samping menambah bilangan pam air sepanjang pembinaan," ujarnya.